

KECENDERUNGAN INTERAKSI SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR BERBEZA KUMPULAN ETNIK DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH DI BETONG, SARAWAK

The Tendency of Social Interaction among Students of Different Ethnic Groups at Selected Secondary Schools in Betong, Sarawak

NUROL-ADILA SALAH@SALEH^{1*}

¹Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author: adilasaleh99@gmail.com

Received: 25 Oct 2023 ; **Revised:** 3 Nov 2023 ; **Accepted:** 28 Nov 2023 ; **Published:** 27 Dec 2023

To cite this article: Salah @ Saleh, N. A. (2023). Kecenderungan Interaksi Sosial dalam Kalangan Pelajar Berbeza Kumpulan Etnik di Sekolah Menengah Terpilih di Betong, Sarawak. *GEOGRAFI*, 11(2), 40–68. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol11.2.3.2023>

ABSTRAK Kajian ini bertujuan meneliti kepelbagaian interaksi 40ersat dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik di samping memerihalkan faktor-faktor yang mempengaruhi kepelbagaian tersebut serta mencadangkan beberapa galakan interaksi 40ersat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui temu bual separa berstruktur terhadap 40ersatu40 orang pelajar sekolah menengah daripada pelbagai kumpulan etnik secara bersemuka. Pelaksanaan analisis data melibatkan kaedah tematik dan triagulasi. Hasil dapatan kajian memperlihatkan wujud interaksi 40ersat yang pelbagai dalam kalangan pelajar yang merangkumi kecenderungan berinteraksi dalam kumpulan etnik yang sama dan berbeza, bentuk interaksi yang pelbagai iaitu kerjasama, timbal balik, persaingan dan konflik. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan berlaku pemilihan etnik majoriti untuk berinteraksi. Kepelbagaian ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor iaitu sekolah rendah, pengurusan dan pentadbiran sekolah, bahasa, persekitaran tempat tinggal, guru, budaya, ibu bapa dan sikap pelajar. Galakan interaksi sosial yang bermula daripada usaha diri sendiri, rakan sebaya, guru, aktiviti sekolah, ibu bapa dan penggunaan Bahasa Melayu dalam komunikasi telah dikemukakan. Kesimpulannya, interaksi 40ersat dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik merupakan 40ersatu40a kepada hubungan 40ersat dan perpaduan pelajar di peringkat sekolah. Implikasi kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan antaranya kepada pihak sekolah, ibu bapa dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan generasi yang 40ersatu padu.

Kata kunci: Interaksi 40ersat, kumpulan etnik, kepelbagaian, sekolah menengah

ABSTRACT This study aims to examine the diversity of social interactions among students of different ethnic groups in addition to describing the factors that influence such diversity as well as suggesting some encouragement of social interactions. This study uses a qualitative approach through semi-structured interviews with nine high school students from various ethnic groups. The implementation of data analysis involves thematic and triangulation methods. The results of the study have shown the existence of diverse social interactions among students that include the tendency to

interact in the same and different ethnic groups, diverse forms of interaction such as cooperation, reciprocity, competition and conflict. In addition, the findings of the study also show that there is a selection of the majority ethnic group to interact. This diversity is influenced by various factors such as primary school, school management and administration, language, living environment, teachers, culture, parents and student attitudes. The encouragement of social interaction that starts from self-effort, peers, teachers, school activities, parents and the use of the Malay language in communication has been presented. In conclusion, social interaction among students of different ethnic groups is an indicator of social relations and student unity at the school level. The implications of this study can be used as a reference for schools, parents and the Malaysian Ministry of Education to produce a united generation.

Keywords: *Social interaction, ethnic group, diversity, secondary school*

1. Pengenalan

Kepelbagaian etnik, budaya dan agama dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu elemen yang unik apabila membincangkan tentang Malaysia. Namun begitu, kepelbagaian tersebut turut menggambarkan perbezaan yang ada pada setiap etnik yang membawa kepada satu pertembungan. Suresh (2021), menjelaskan terdapat dua perspektif yang dapat dibincangkan tentang pertembungan antara etnik iaitu pertama melibatkan penerimaan terhadap perbezaan yang dibawa oleh etnik lain manakala yang kedua pula membawa kepada penolakan akibat daripada ciri-ciri perbezaan. Oleh yang demikian, perpaduan merupakan kata kunci utama dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian yang berterusan dalam masyarakat yang 41ersatu41an41. Noradilah et al. (2017), menjelaskan nilai perpaduan perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat yang pelbagai. Jika nilai ini tidak dipupuk dan diperkasa dalam kalangan rakyat Malaysia, maka masalah perkauman mudah untuk bertindak sebagai sempadan pemisah antara etnik (Suresh, 2021).

Interaksi 41ersat merujuk kepada hubungan yang melibatkan dua 41ersatu41an41au lebih yang saling bertindak balas antara satu sama lain. Dalam konteks hubungan antara etnik ia melibatkan interaksi yang berlaku dalam kalangan kumpulan etnik berbeza atau sebaliknya. Ia juga merupakan salah satu 41ersatu41a dalam melihat tahap kesepaduan 41ersat antara etnik. Interaksi 41ersat yang baik dalam kalangan kumpulan etnik merupakan satu asas utama dalam membentuk perpaduan yang erat. Manakala interaksi 41ersat 41ersatu41 dalam masyarakat berpontensi untuk mencetuskan perselisihan atau konflik antara kumpulan etnik. Marzudi et al. (2019), menyatakan sikap prejudis, fahaman stereotaip dan 41ersatu41 berbentuk diskriminasi dalam kalangan masyarakat multietnik berupaya dalam membentuk interaksi yang 41ersatu41 dalam masyarakat.

Selain itu, faktor persamaan juga berupaya untuk mempengaruhi interaksi 42ersat yang wujud dalam kalangan masyarakat multi-etnik. Suresh (2014), berpendapat bahawa hubungan antara etnik menjadi lemah ekoran daripada kerapatan yang wujud 42ersat etnik. Faktor persamaan yang dikongsi 42ersatu menjadi tunjang utama dalam pembentukan hubungan yang rapat 42ersat etnik. Justeru, dalam mewujudkan interaksi etnik yang baik dalam kalangan masyarakat multietnik, ia perlu dimulakan melalui penerapan elemen-elemen perpaduan dan nilai murni bermula sejak awal lagi. Adlina et al. (2018), juga menjelaskan peranan sekolah dalam memantapkan interaksi 42ersat dalam kalangan masyarakat yang pelbagai memandangkan peranan institusi keluarga dianggap kurang berkesan dalam mewujudkan interaksi 42ersat antara etnik. Oleh yang demikian, sekolah dilihat sebagai agen yang paling ideal dalam memulakan interaksi 42ersat yang merentasi etnik memandangkan sekolah merupakan tempat pertemuan antara etnik.

Pengaruh 42ersatu42an dalam pemupukan perpaduan antara etnik jelas dapat dilihat melalui pelbagai penubuhan jawatankuasa, dasar dan rancangan yang bermula sejak zaman 42ersatu42 British sebelum merdeka. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah satu institusi yang memainkan peranan dalam menggubal dasar bagi mengeratkan interaksi etnik di semua peringkat institusi 42ersatu42an. Pelbagai dasar, pekeliling-pekeliling dan program telah dilaksanakan yang bermatlamatkan penyatuan dan perpaduan semua etnik. Namun demikian, usaha-usaha tersebut tidak memberi hasil seperti yang dihasratkan. Interaksi etnik yang berlaku bukanlah seperti yang diharapkan. Hal ini selaras dengan perbincangan Sharifah Darmia et al. (2021), yang menyatakan walaupun banyak dasar, jawatankuasa dan kaedah yang dilaksanakan dalam 42ersat 42ersatu42an sama ada sebelum dan selepas merdeka, perpaduan yang dihasratkan tidak mudah untuk dicapai kerana setiap komuniti etnik berusaha kuat untuk mempertahankan 42ersatu42 masing-masing.

Di peringkat institusi 42ersatu42an, pelbagai kursus dan mata pelajaran diperkenalkan serta ditawarkan kepada pelajar berbilang etnik yang bermatlamatkan pemupukan dan penerapan elemen perpaduan dan nilai murni dalam kalangan pelajar. Namun begitu, penawaran kursus ini di peringkat pengajian tinggi masih belum mampu mewujudkan interaksi 42ersat yang erat dalam kalangan pelajar. Kajian yang dilaksanakan oleh Muhamad Amar (2019), menjelaskan terdapat perbezaan persepsi pelajar berbilang etnik terhadap penawaran kursus Hubungan Etnik. Pelajar dari etnik Cina hanya menganggap kursus ini hanya memihak kepada satu etnik sahaja dan wujud layanan yang tidak adil sebagai rakyat Malaysia. Keadaan ini bukan sahaja menggambarkan kegagalan dalam mencapai matlamat penawaran kursus tersebut malah menunjukkan masih berlaku konflik dan ketegangan antara etnik di Malaysia.

Perbincangan tersebut turut konsisten dengan kajian oleh Hamidah et al. (2011). Dalam kajian yang memfokuskan kepada tinjauan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tahun satu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapati aktiviti keluar membeli belah dengan rakan berlainan etnik adalah pada tahap yang

rendah. Hal ini disebabkan pelajar lebih selesa melakukan aktiviti tersebut dengan rakan daripada etnik yang sama kerana lebih memahami kehendak antara satu sama lain. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian lain yang turut memperlihatkan hubungan dan perpaduan yang sederhana sahaja ditunjukkan dalam kalangan pelajar berbilang etnik (Mohd Rizal & Thay, 2012; Noradilah et al., 2017). Di samping itu, hubungan dan interaksi pelajar dilihat kurang mesra dan pola interaksi yang menjurus dalam kelompok etnik yang sama turut jelas kelihatan di peringkat sekolah menengah (Nur Ayuni Nusaibah & Amir Hasan, 2019; Suresh, 2014; Suresh, 2016; Najeemah, 2006). Tahap perpaduan dan hubungan yang sederhana tidak mampu dalam mengekalkan perpaduan negara. Jika institusi 43ersatu43an yang dianggap sebagai medium utama dalam pemupukan interaksi 43ersat yang baik menunjukkan bentuk interaksi dalam lingkungan etnik yang sama dan tahap perpaduan yang masih berada pada tahap yang belum memuaskan, maka keadaan sebegini agak merungsingkan pihak berkaitan dalam usaha untuk mengukuhkan dan mengeratkan perpaduan masyarakat berbilang etnik. Oleh yang demikian, berdasarkan perkara inilah, aspek interaksi 43ersat dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik di sekolah menengah perlu dikaji dalam meneliti semula kepelbagaian interaksi 43ersat yang wujud, faktor yang mempengaruhi dan cadangan dalam menggalakkan interaksi 43ersat. Walaupun terdapat kajian-kajian sebelumnya tentang hubungan pelajar di peringkat sekolah menengah, namun begitu kajian ini menggunakan pendekatan yang berbeza, penglibatan etnik yang berbeza, lokasi yang berbeza berupaya memberi dapatan yang berlainan.

2. Kajian Literatur

Bahagian ini membincangkan beberapa sub-topik iaitu berkaitan peranan 43ersatu43an dalam pemupukan perpaduan etnik, faktor mempengaruhi kepelbagaian interaksi 43ersat dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik dan 43ersatu43 hubungan etnik dalam kalangan pelajar.

2.1 Peranan 43ersatu43an dalam memupuk perpaduan etnik di Malaysia

Menurut Sharifah Darmia et al. (2021), 43ersatu43an memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk perpaduan etnik di Malaysia. Sistem 43ersatu43an di negara ini dirangka dan digubal untuk mewujudkan masyarakat 43ersatu padu, mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi serta dapat menyumbang terhadap pembangunan negara. Mior Khairul Azrin (2011), juga menyatakan matlamat utama 43ersatu43an negara sejak merdeka ialah 43ersatu43an untuk perpaduan bangsa Malaysia. Pelbagai usaha dan dasar diwujudkan dalam memupuk perpaduan etnik walaupun sekolah pelbagai aliran di peringkat rendah masih diteruskan. Hal ini dapat dikukuhkan lagi melalui kajian Suresh (2014), yang menjelaskan insititusi keluarga menduduki hierarki 43ersat yang terpenting pula tidak mampu untuk

menerapkan dan memupuk interaksi 44ersat seperti mana di sekolah. Pola interaksi 44ersat yang menjurus kepada etnik yang sama di dalam kelas adalah disebabkan oleh pembentukan pola tersebut sudah berlaku sejak dari kecil lagi iaitu bermula dari rumah.

Selain itu, kerelevenan sekolah sebagai agen sosialisasi pelbagai etnik dapat dilihat apabila interaksi dan pembentukan hubungan antara etnik lebih cenderung berlaku di sekolah. Menurut Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hassan (2019), sekolah adalah tempat yang memberi peluang untuk pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya bertemu dan berinteraksi. Mior Khairul Azrin (2011), turut menyatakan bahawa hubungan antara bangsa hanya berlaku di sekolah. Hal ini kerana, hubungan yang berlaku di rumah hanya melibatkan etnik yang sama kerana persekitaran yang menjurus kepada pergaulan 44ersat etnik dan penggunaan bahasa ibunda masing-masing. Oleh itu, dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan 44ersatu padu, 44ersat 44ersatu44an yang bermula di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi perlu memainkan peranan dalam menyemai sifat-sifat murni dan semangat nasionalisme yang dapat membentuk sahsiah generasi yang 44ersatu padu (Sharifah Darmia et al., 2021).

2.2 Faktor mempengaruhi Kepelbagaian Interaksi Sosial dalam Kalangan Pelajar Berbeza Kumpulan Etnik

Mior Khairul Azrin (2011), menyatakan bahawa sistem persekolahan pelbagai aliran sudah tidak relevan pada masa ini, dan jika masih diteruskan hubungan antara masyarakat Malaysia akan semakin pudar. Seterusnya, kajian oleh Adlina et al. (2018), turut mendapati pengaruh persekitaran sekolah rendah pelajar dari etnik Cina dan India telah menyebabkan tahap interaksi sosial antara pelajar tingkatan satu hingga tingkatan empat agak lemah berbanding pelajar tingkatan lima dan enam. Malah, kajian Mansor Mohd Nor et al. (2006), turut menunjukkan dapatan yang sama berlaku di peringkat pengajian tinggi, pelajar-pelajar pelbagai etnik didapati lebih gemar membentuk pergaulan sesama etnik dalam semua hal serta mempunyai sentimen perkauman yang tinggi. Perbincangan ini selari dengan kajian Hamidah et al. (2011), menyatakan para pelajar yang mendapat pendidikan awal di sekolah jenis kebangsaan tidak mempunyai pengalaman dalam bergaul dengan rakan berbilang etnik. Perkara ini memberi kesan kepada hubungan sosial pelajar di peringkat pengajian tinggi. Menurut Najeemah (2011), interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbilang etnik dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan dalam berkomunikasi. Kajian mendapati pelajar dari etnik Cina kurang gemar dalam menggunakan bahasa Melayu dalam berkomunikasi dan lebih memilih menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Kajian Suresh (2014), turut menjelaskan dominasi penggunaan bahasa ibunda berbanding bahasa Melayu menyebabkan wujud satu bentuk keselesaan kepada pelajar untuk berinteraksi dalam lingkungan etnik yang sama berbanding etnik lain.

Kenyataan ini selari dengan kajian Nurhijrah et al. (2019) yang menunjukkan pelajar yang kurang mahir bahasa Melayu jarang berkomunikasi dengan rakan lain dan lebih gemar untuk berada dalam kelompok masing-masing. Sikap guru yang pilih kasih, pandang rendah dan tidak ambil peduli kepada etnik lain menjadi penghalang kepada guru kelas dalam membentuk hubungan yang berkesan dengan pelajar (Suresh, 2016). Hal ini menyukarkan peranan guru sebagai agen sosialisasi politik dalam membentuk hubungan merentasi etnik antara pelajar di dalam kelas.

Kajian Yong dan Ku Hasnita (2019) turut menyatakan sikap dan personaliti guru dalam berinteraksi dengan kumpulan etnik lain cenderung mempengaruhi pembentukan tingkah laku pelajar. Perbincangan ini selari dengan kajian Battle (2017), terhadap pelajar berkulit putih dan hitam. Menurut Battle (2017), mendapati tanggapan guru berkulit putih terhadap pelajar berkulit hitam mempengaruhi sikap dan hubungan mereka dengan guru dan pelajar lain. Situasi ini bukan sahaja membentuk hubungan longgar antara guru dengan pelajar malah mewujudkan sikap tidak menghormati guru dalam kalangan pelajar berkulit hitam. Selain itu, menurut Casteel (1988) sikap negatif yang dipamerkan oleh guru kepada golongan etnik minoriti bukan sahaja membentuk hubungan yang tidak baik antara guru dengan pelajar malah mewujudkan sempadan etnik yang tebal dalam kalangan pelajar yang pelbagai etnik.

Seterusnya, kajian Yong et al. (2021), mendapati amalan pentadbiran sekolah mempengaruhi kepelbagaian interaksi sosial pelbagai etnik. Hal ini melibatkan halangan guru dalam menjalankan peranan sebagai agen perpaduan etnik. Menurut Yong et al. (2021), pengasingan guru mengikut dua sesi persekolahan, pengelompokan guru mengikut mata pelajaran dan tumpuan pentadbiran sekolah yang lebih kepada pencapaian akademik menjadi halangan kepada guru sebagai agen sosialisasi politik dan turut memberi kesan negatif terhadap proses perpaduan etnik dalam kalangan guru sendiri. Hal ini kerana terdapat batasan hubungan dan interaksi antara guru yang merentasi etnik melalui amalan pentadbiran sekolah. Suresh (2014), turut mendapati antara faktor yang menghalang interaksi merentasi etnik dalam kalangan pelajar ialah melalui perspektif sekolah dimana kejayaan dalam membentuk hubungan etnik dalam kalangan pelajar adalah bergantung kepada perancangan, strategi dan juga darjah penglibatan guru. Kekurangan daripada mana-mana elemen tersebut memberi kesan yang mendalam ke atas pola interaksi yang merentasi etnik di sekolah.

2.3 Senario Hubungan Etnik dalam Kalangan Pelajar

Kajian oleh Yasmin dan Najeemah (2012), menunjukkan jarak sosial yang besar dan sempadan etnik yang tebal berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah rendah monoetnik dan multi-etnik. Persekitaran sekolah yang dikelilingi dengan latar belakang budaya dan agama yang sama mewujudkan satu keselesaan dan kebiasaan dalam kelompok etnik yang sama.

Manakala kajian Mohd Rizal dan Thay (2012), tentang hubungan etnik dalam kalangan pelajar berbilang etnik di UTM. Pengkaji mendapati kebanyakan kegiatan seperti menonton wayang, makan bersama, pemilihan makanan dan perbincangan masalah menunjukkan pemilihan rakan daripada etnik yang sama bangsa dan agama. Pengukuran tahap perpaduan dalam kalangan pelajar berbilang etnik di peringkat pengajian tinggi turut dilaksanakan oleh Noradilah et al., (2017). Dapatan kajian menunjukkan tahap perpaduan dalam kalangan pelajar berbilang etnik adalah berada pada tahap yang sederhana. Sejumlah 17.9% responden berada pada tahap yang tinggi dan 12% berada pada tahap yang rendah. Beliau berpendapat pihak universiti perlu memberi perhatian dan melaksanakan langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah tersebut.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti kepelbagaian interaksi sosial pelajar berbeza kumpulan etnik, faktor yang mempengaruhi kepelbagaian tersebut dan cadangan galakan interaksi sosial antara pelajar berbeza kumpulan etnik di sebuah sekolah menengah terpilih. Bagi mencapai tujuan kajian yang digariskan reka bentuk kajian kualitatif dengan melakukan temu bual separa berstruktur digunakan. Daripada segi subjek, kajian ini melibatkan pelajar berbeza kumpulan etnik yang merangkumi etnik Melayu, Cina, Iban dan Melanau di sebuah sekolah menengah terpilih di bahagian Betong, Sarawak. Lokasi kajian tidak dinyatakan secara terperinci bagi memenuhi kerahsiaan dan melindungi keselamatan peserta kajian disebabkan isu yang dikaji dan dibincangkan merupakan isu sensitif. Sampel kajian yang dipilih terdiri daripada sembilan orang pelajar berbilang etnik. Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian adalah kaedah pensampelan kebetulan kerana memudahkan temu bual separa berstruktur dilaksanakan.

Kajian ini berfokuskan kepada pengumpulan maklumat melalui kaedah separa berstruktur berpanduan kepada soalan temu bual yang dibina. Temu bual jenis ini membolehkan probing dilakukan, untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Sebelum temu bual dilaksanakan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran secara bertulis dan lisan daripada peserta kajian. Proses temu bual dilaksanakan secara bersemuka semasa pengkaji melaksanakan latihan mengajar di sekolah tersebut. Maklumat yang telah diperolehi dan dikumpul seterusnya, ditranskripsi dan dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual.

4. Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang dihuraikan mengikut objektif kajian iaitu terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama mempersembahkan dapatan kajian berkaitan kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik. Bahagian kedua pula berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kepelbagaian interaksi sosial dan bahagian ketiga mempersembahkan dapatan kajian tentang cadangan galakan interaksi sosial antara pelajar berbeza kumpulan etnik.

4.1 Kepelbagaian Interaksi Sosial dalam Kalangan Pelajar Berbeza Kumpulan etnik

Hasil analisis data kajian menunjukkan kepelbagaian interaksi 47ocial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kecenderungan interaksi 47ocial yang wujud dalam kalangan pelajar, bentuk interaksi dan pemilihan etnik lain untuk berinteraksi.

4.1.1 Kecenderungan Interaksi Sosial yang Wujud dalam Kalangan Pelajar

Berdasarkan data kajian, terdapat dua kecenderungan interaksi yang wujud dalam kalangan pelajar iaitu kecenderungan berinteraksi dalam kumpulan etnik yang sama dan kecenderungan berinteraksi dalam kumpulan etnik berbeza. Selain itu, analisis interaksi sosial juga turut dilihat pada perbezaan kecenderungan interaksi sosial yang wujud berdasarkan jantina.

a) Kecenderungan berinteraksi dalam kumpulan etnik yang sama

Kecenderungan berinteraksi sosial dengan rakan dalam kelompok etnik yang sama melibatkan komunikasi satu hala antara rakan seetnik sahaja. Keadaan ini dapat dikenal pasti melalui pemilihan ahli semasa pelaksanaan aktiviti berkumpulan. Sesetengah peserta kajian menyatakan bahawa mereka lebih cenderung memilih rakan daripada kumpulan etnik yang sama semasa diminta untuk membentuk kumpulan sendiri. Faktor keselesaan dan hubungan yang sedia ada rapat sesama etnik mempengaruhi pemilihan tersebut. Hal ini juga menyebabkan wujud kelompok mengikut etnik. Hal ini dapat dikenal pasti apabila sesetengah peserta kajian menyatakan wujud kelompok-kelompok mengikut etnik di dalam kelas. Kelompok tersebut seterusnya membentuk kumpulan sendiri, duduk bersama-sama di dalam kelas dan jarang berinteraksi dengan rakan-rakan lain. Menurut Fatimah, Cristina dan Abang:

Fatihah: Hmmm. Ada susah ikit lah cikgu. Macam kan, kalau nak berbincang susah, jadi senyap, kerja tak jalan.

Abang: Selalunya dia, ada geng perempuan yang ajak kumpulan. Geng Susane tu.

Cristina: Asing-asing lah cikgu, lebih selesa sama sendiri, dah kenal masing-masing.

Abang: Duduk pun asing-asing cikgu. Kalau iban dengan iban sama duduk. Melayu dengan melayu sama duduk. Buat kerja pun asing-asing. Tapi masih boleh bercakap lah.

Kajian oleh Suresh (2014), turut menjelaskan bahawa wujud sempadan antara etnik yang disebabkan adanya faktor persamaan yang dikongsi bersama dalam konteks bahasa, budaya dan agama. Keadaan ini menjadikan mereka lebih selesa untuk bergaul dan berkomunikasi antara satu sama lain. Dalam perbincangan Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hasan (2019), juga menjelaskan interaksi yang lebih cenderung ke arah etnik yang sama menyebabkan wujud pengasingan dan pengelompokan antara etnik semasa PdPC dan aktiviti lain yang dijalankan oleh pihak sekolah.

b) Kecenderungan berinteraksi dalam kumpulan etnik yang berbeza

Kecenderungan interaksi sosial dengan rakan dalam kelompok etnik yang berbeza juga wujud. Kecenderungan interaksi tersebut dapat dikenal pasti apabila sesetengah peserta kajian menyatakan mereka boleh bergaul rapat dan berinteraksi dengan semua etnik serta lebih selesa untuk duduk bersama dengan rakan daripada kumpulan etnik yang berbeza di dalam kelas. Selain itu, segelintir peserta kajian juga turut menyatakan bahawa tidak ada perbezaan daripada segi topik yang dibincangkan bersama dengan rakan-rakan dari etnik lain memandangkan hubungan yang terbina antara mereka sudah kukuh. Keadaan ini disebabkan hubungan persahabatan yang dibina lebih mementingkan persamaan sikap, tingkah laku dan minat antara pelajar. Menurut Hasrol, Farhan dan Chong:

Hasrol: Campur, kawan jak lah dengan semua.

Hasrol: Selalunya tentang game, kalau tak tentang apa yang dibuat seharian.

Farhan: Memang saya nak duduk dengan Lau, dulu mula-mula saya tak duduk dengan dia, tapi sekarang lagi best duduk dengan dia.

Chong: Sebab mereka pandai dan diorang tak lakukan perkara terlarang macam vape dan rokok.

Ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Faizal et al. (2017), yang turut menunjukkan pelajar di sebuah sekolah jenis kebangsaan (Cina) boleh membina persahabatan tanpa melihat etnik seseorang dan bersedia memberi bantuan kepada rakan yang berbeza etnik. Persamaan sikap, tingkah laku dan minat memainkan peranan penting dalam konteks kewujudan pola interaksi tersebut. Menurut Noraizan (1998), faktor ciri personaliti adalah perkara utama yang dilihat dalam memilih seorang sahabat.

4.1.2 Bentuk Interaksi Sosial yang Wujud dalam Kalangan Pelajar Berbeza Kumpulan Etnik

a) Kerjasama

Kerjasama merupakan satu bentuk interaksi yang wujud dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik yang berlaku terutamanya di dalam kelas. Melalui analisis data kajian, didapati bahawa wujud kerjasama antara pelajar berbilang etnik semasa pelaksanaan kerja berkumpulan dan aktiviti perbincangan kelas. Sesetengah peserta kajian menyatakan mereka lebih memilih guru melaksanakan aktiviti berkumpulan berbanding pengajaran secara langsung semasa PdPC dan bersedia untuk membentuk kumpulan dengan rakan dari etnik lain semasa pelaksanaan aktiviti tersebut. Selain itu, analisis data kajian juga menunjukkan wujud sikap saling memahami antara pelajar berbeza kumpulan etnik. Jika ada aktiviti di luar waktu sekolah, hanya pelajar asrama dan tinggal berdekatan dengan sekolah yang akan terlibat manakala yang tinggal jauh boleh dikecualikan. Sesetengah peserta kajian juga turut memberikan sokongan kepada rakan-rakan yang mengikuti pertandingan dan menyatakan keterujaan mereka untuk memenangi pertandingan yang disertai. Menurut Abang, Hasrol dan Dayang:

Hasrol: Ya, best, sebab boleh bincang sama-sama, buat kerja sama-sama.

Dayang: Kalau waktu sekolah, semua ikut serta. Tapi kalau di luar waktu sekolah, macam waktu petang selalunya yang terlibat yang duduk asrama dan yang terdekat saja.

Abang: Supportlah cikgu, macam selalu Afiq, David ikut bertanding takqraw, semua yang lelaki ni turun, untuk sokong.

Hasil analisis data kajian selari dengan dapatan kajian oleh Jaslina Makantal et al. (2020), yang menunjukkan wujud situasi berbincang, menyelesaikan permainan, menjayakan permainan secara bersama, memberi idea dan tingkah laku bantu membantu antara satu sama lain semasa aktiviti main bebas dalam kalangan kanak-kanak. Ini seterusnya turut disokong melalui dapatan kajian oleh Jaslina Makantal et al. (2021), yang turut menunjukkan interaksi sosial positif berlaku lebih kerap berbanding interaksi sosial negatif kerana jenis main sosial yang terlibat semasa kanak-kanak bermain ialah jenis main kerjasama dan main koperatif.

b) Timbal balik

Bentuk interaksi ini jelas dapat dilihat apabila melibatkan perihal akademik dan hal peribadi pelajar. Sesetengah peserta kajian menyatakan kesediaan mereka dalam membantu rakan-rakan dan tidak berkira dalam menghulurkan bantuan dalam segala aspek yang diperlukan. Selain itu, melalui data kajian turut menunjukkan bahawa pelajar tidak terus memilih kelompok etnik yang sama apabila bertanya tentang masalah pembelajaran tetapi pemilihan rakan adalah lebih kepada keselesaan

dan kepakaran mereka dalam pembelajaran tersebut. Menurut Abang, Hasrol, Farhan dan Chong:

Abang: Pernah, selalu cikgu. Tanya macam mana nak buat, pinjam buku.

Semua tu lah.

Hasrol: Pernah jak, macam minta tolong belikan makanan kan, hantarkan buku ke bilik guru kah. Ada jak cikgu.

Chong: Dia pandai dalam kelas, jadi saya tanya dia.

Farhan: Sebab dia pandai. Cina ni lebih suka belaja cikgu.

Perbincangan dalam kajian Ghazali Yusri et al. (2012), turut menunjukkan hubungan timbal balik dalam strategi belajar bersama-sama rakan. Strategi ini digunakan pada tahap yang tinggi iaitu melibatkan interaksi antara pelajar yang lebih pandai dengan pelajar yang tiada asas dalam bahasa Arab. Jaslina Makantal et al. (2020), turut menunjukkan interaksi sosial berbentuk berkongsi banyak berlaku yang melibatkan tindakan berkongsi idea melalui perbualan, pertanyaan dan perbincangan serta berkongsi dalam menggunakan alat permainan.

c) Persaingan

Persaingan yang berlaku ialah persaingan yang positif yang mana bentuk interaksi ini berlaku dalam aspek akademik iaitu mereka saling bersaing dalam peperiksaan dan juga semasa mendapat ganjaran yang diberikan oleh guru semasa PdPC. Sesetengah peserta kajian menyatakan persaingan dalam peperiksaan melibatkan persaingan mereka dalam mendapat kedudukan pertama di dalam kelas. Semasa sesi PdPC pula, setiap 50umpulan akan bersaing dalam menyiapkan kerja bagi mendapatkan ganjaran yang diberikan. Menurut Cristina dan Abang:

Cristina: Ada.. macam cikgu selalu cakap, 50umpu siap awal, cikgu beri hadiah dengan 50umpulan tu. Macam tulah.

Abang: Wujud, saya selalu bersaing dengan Susane Sebab kami berdua selalu berebut kedudukan pertama dan kedua dalam kelas.

Ini selari dengan dapatan kajian Mikyal Hardiyati (2020), yang menunjukkan wujud persaingan antara pelajar berprestasi tinggi dengan kelompok rakannya untuk saling menunjukkan kebolehan dan kewujudan masing-masing. Ini turut konsisten dengan dapatan kajian Abdul Talib et al. (2016), yang menunjukkan persaingan yang berlaku dalam aspek akademik melibatkan persaingan pelajar dalam tugasan, peperiksaan dan semasa sesi pembelajaran seperti sewaktu pelaksanaan eksperimen.

d) Konflik

Konflik berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor misalnya melalui ejekan, stereotaip terhadap sesebuah etnik dan hubungan yang terlalu rapat sesama rakan. Sesetengah peserta kajian menyatakan bahawa mereka berasa terancam dengan segelintir rakan

daripada etnik lain yang suka mengejek dan mempunyai stereotaip tertentu terhadap etnik mereka. Data kajian juga menunjukkan ejekan daripada rakan-rakan di dalam kelas menyebabkan ada pelajar yang terpaksa berpindah ke kelas yang lain untuk keselesaan dan suasana pembelajaran yang lebih baik. Menurut Cristina dan Moana:

Cristina: Macam tuduh-tuduh, fitnah-fitnah, tak nak kawan dengan non-muslim sebab kotor.

Moana: Saya pindah kelas sebab tu cikgu. Dulu saya kelas 1 Aspirasi, tapi diorang asyik ejek saya. Jadi saya minta cikgu tukarkan saya ke kelas 1 Bestari.

Moana: Diorang cakap saya tak mandi, berbau, banyak lagi.

Dapatan kajian ini dikukuhkan melalui kajian oleh Adlina et al. (2018), yang menunjukkan konflik dan stereotaip masih wujud dalam kalangan pelajar. Kajian Mutsalim Khareng dan Jaffary Awang (2014), turut menunjukkan masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang kurang menghayati sikap terhadap toleransi beragama walaupun sebahagian besarnya mempunyai sikap tersebut pada tahap yang tinggi.

Bentuk interaksi konflik turut berlaku apabila wujud hubungan yang rapat antara pelajar berbeza kumpulan etnik. Seseengah peserta kajian menyatakan bahawa wujud pergaduhan antara rakan-rakan di dalam kelas berbeza kumpulan etnik yang disebabkan oleh gurauan sesama mereka sendiri. Keadaan ini tidak melibatkan ejekan dan isu perkauman tetapi disebabkan oleh hubungan yang sangat rapat menyebabkan wujud keselesaan untuk bergurau dengan cara yang kasar dengan rakan-rakan. Menurut Abang, Hasrol dan Fatihah:

Abang: Aaaa, pasal kalah takgraw lah macam tu.

Hasrol: Gurau-gurau jak cikgu sama berkawan, akhir-akhir terasa hati.

Fatihah: Eh takde kesah kaum tak kaum, gurau kasar je diorang tu.

4.1.3 Pemilihan etnik lain untuk berinteraksi

Etnik Cina, Iban dan Melanau lebih cenderung untuk memilih etnik Melayu apabila melibatkan pergaulan dan interaksi antara rakan daripada etnik lain. Keadaan ini dipengaruhi oleh komposisi etnik Melayu yang lebih ramai berbanding etnik lain di setiap kelas di sekolah tersebut. Keadaan ini mewujudkan kumpulan majoriti dan kumpulan minoriti di setiap kelas. Kumpulan minoriti iaitu etnik Cina, Iban dan Melanau cenderung untuk membentuk persahabatan dengan kumpulan majoriti di dalam kelas tersebut. Menurut Lau dan Moana:

Lau: Sebab selalu dengan dia, lepak dengan dia. Jadi lebih selesa dengan dia.

Moana: Melayu. Sebab kalau dengan Lau, lagi susah saya nak cakap.

Hallinan (1982), menjelaskan kecenderungan pelajar daripada kelompok minoriti dalam merapatkan hubungan dengan kelompok majoriti. Penyesuaian diri dengan budaya daripada kelompok majoriti lebih mudah berlaku disebabkan adanya pendedahan yang tinggi daripada kelompok majoriti yang ada di dalam kelas.

4.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik

Kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik dipengaruhi oleh sembilan faktor iaitu sekolah rendah, pentadbiran dan pengurusan sekolah, bahasa, kawasan persekitaran tempat tinggal, budaya, guru, ibu bapa dan sikap pelajar sendiri.

4.2.1 Sekolah Rendah

Sesetengah peserta kajian yang bersekolah di sekolah rendah monoetnik iaitu SJKC didapati sukar untuk berinteraksi dengan rakan-rakan daripada etnik lain apabila memasuki sekolah menengah multi-etnik. Keadaan ini disebabkan oleh perbezaan bahasa dan budaya yang dibawa oleh rakan-rakan berbilang etnik yang luar daripada kebiasaan mereka sebelum ini. Di samping itu, data kajian turut menunjukkan masalah yang sama turut berlaku walaupun peserta kajian bersekolah di sekolah multi-etnik. Hal ini kerana, sekolah-sekolah tersebut turut didominasi oleh kumpulan etnik yang sama memandangkan penduduk di kawasan tersebut terdiri daripada satu kelompok etnik sahaja. Peserta kajian etnik Melayu yang bersekolah di sebuah sekolah kebangsaan menyatakan berlaku kesukaran untuk berinteraksi dengan rakan-rakan daripada etnik Iban dan Cina memandangkan majoriti pelajar di sekolah rendah terdahulu adalah daripada golongan etnik Melayu sahaja. Perkara ini juga menyebabkan mereka lebih selesa dengan rakan-rakan yang sedia ada dari sekolah rendah sehingga menyebabkan wujud kelompok-kelompok etnik di dalam kelas. Menurut Fatimah dan Moana:

Fatihah: Tak pernah, first time waktu form 1.

Fatihah: Susahlah cikgu, tak faham bahasa diorang. Tak dapat nak bercakap.

Moana: Ya, sebab waktu kelas 1 Aspirasi tu, saya seorang je Iban, saya takde kawan. Diorang memang dah kawan dari sekolah rendah".

Perbincangan ini selari dengan kajian oleh Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hasan (2019) menjelaskan terdapat jurang yang besar antara pelajar Melayu dan pelajar Cina kerana pendedahan terhadap penggunaan bahasa Melayu semasa pelajar Cina berada di SJKC adalah kurang kerana bahasa ini hanya didedahkan dan digunakan semasa proses PdPC bahasa Melayu sahaja. Kajian oleh Adlina et al. (2018), turut menunjukkan persekitaran sekolah rendah asal pelajar yang tertumpu kepada komposisi etnik masing-masing menyebabkan tahap interaksi pelajar agak lemah.

4.2.2 Pentadbiran dan Pengurusan Sekolah

Pentadbiran dan pengurusan sekolah memberi kesan terhadap kepelbagaian interaksi sosial pelajar yang berbilang etnik di sekolah tersebut. Hasil analisis data kajian menunjukkan bahawa pihak sekolah didapati lebih mementingkan perihwal akademik berbanding hubungan pelajar berbilang etnik. Sesetengah peserta kajian menjelaskan bahawa topik atau perkara utama yang sentiasa ditekankan oleh pihak sekolah ialah berkaitan prestasi pelajar dan hal-hal pembelajaran. Bagi program yang dilaksanakan juga adalah lebih kepada peningkatan prestasi pelajar dan penekanan serta pendedahan berkaitan perpaduan dan budaya pelbagai etnik hanya berlaku semasa pelaksanaan aktiviti atau program yang melibatkan sambutan perayaan atau hari-hari istimewa sahaja. Menurut Abang dan Chong:

Abang: Saya kurang pasti, sebab selalunya kalau bahan-bahan di kawasan lorong, kawasan luar kelas kebanyakannya bahan pembelajaran.

Chong: Pasal belaja saja, pasal prestasi, kalau disiplin pula selalu pasal pelajar lambat datang sekolah, pakaian tidak kemas itu saja.

Namun begitu, keadaan ini disangkal oleh sesetengah peserta kajian dengan menyatakan bahawa pihak sekolah ada memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar untuk mendalami dan belajar tentang etnik-etnik lain. Melalui analisis data kajian, program-program yang diadakan oleh pihak sekolah mampu mengeratkan hubungan dan memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami budaya etnik-etnik lain. Hal ini menunjukkan aktiviti atau program yang dilaksanakan dirancang dan diatur dengan baik oleh badan pelaksana. Menurut Cristina, dan Abang:

Cristina: Ya, macam kalau kami Iban ni, ada sambutan Gawai Raya, ada tarian tradisional Iban, nyayian lagu Iban. Macam program-program tulah cikgu. Ada jugak selalu bagi info pasal-pasal kaum lain.

Abang: Saya kurang pasti, sebab bagi saya memang lah sekolah pentingkan akademik, tapi sekolah bagi kebebasan dan ada juga adakan program yang boleh erat hubungan kami semua. Contoh sambutan Perayaan.

Hasil analisis data kajian menunjukkan walaupun pihak sekolah kurang memberi fokus kepada hubungan dan perpaduan pelajar yang berbilang etnik, namun pihak sekolah dilihat mempunyai inisiatif dalam memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan mendalami tentang latar belakang, budaya dan agama etnik lain apabila ada ruang dan waktu yang bersesuaian misalnya pada waktu sambutan perayaan dan hari kemerdekaan. Ini selari dengan perbincangan oleh Adlina dan Rosfazila (2018), yang menunjukkan peranan penting pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara etnik melalui sambutan perayaan, hari sukan, perkhemahan dan sebagainya.

Ini konsisten dengan perbincangan oleh Suresh (2014), yang menjelaskan perancangan, strategi dan penglibatan guru perlu diperkukuhkan dalam melaksanakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mampu mencapai intergrasi etnik dalam kelas. Perbincangan oleh Adlina et al. (2018), menunjukkan peranan penting pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara etnik melalui sambutan perayaan, hari sukan, perkhemahan dan sebagainya.

4.2.3 Bahasa

Dominasi penggunaan bahasa ibunda dalam komunikasi dan penguasaan bahasa Melayu yang masih lemah pada segelintir pelajar. Penggunaan bahasa ibunda setiap etnik mempengaruhi kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar di sekolah. Kesukaran setiap pelajar dalam menggunakan bahasa-bahasa selain daripada bahasa ibunda menyebabkan pergaulan dan interaksi antara pelajar berbilang etnik agak terbatas. Peserta kajian yang beretnik Cina menyatakan bahawa mereka sukar untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dari etnik Iban dan Melayu kerana kesukaran dalam menggunakan bahasa Melayu Sarawak. Menurut Lau dan Moana:

Lau: Susahlah nak bergaul kalau tak pandai bahasa tu. Orang tak faham. Mereka pun tak faham bahasa Cina.

Moana: Ya. Diorang tak faham kalau kami guna bahasa Iban, kami pula tak pandai sangat cakap bahasa Melayu Sarawak.

Suresh (2014), menjelaskan proses komunikasi menjadi lebih mudah apabila menggunakan bahasa ibunda berbanding penggunaan bahasa kedua interaksi. Kajian oleh Nurhijrah et al. (2019), turut jelas membuktikan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar berbilang etnik yang masih belum menyeluruh akan memberi kesan terhadap interaksi sosial pelajar.

4.2.4 Kawasan Persekitaran Tempat Tinggal

Kawasan tempat tinggal yang didiami oleh pelajar turut mempengaruhi interaksi mereka dengan rakan-rakan daripada etnik lain di sekolah. Persekitaran tempat tinggal yang mempunyai komposisi etnik pelbagai dapat membantu pelajar dalam memahami dan menerima bahasa dan budaya etnik lain serta memudahkan interaksi merentas etnik berlaku. Segelintir peserta kajian yang mempunyai persekitaran tempat tinggal dengan komposisi etnik pelbagai dapat membentuk sikap mudah mesra dengan etnik lain. Keadaan ini juga membolehkan mereka untuk berinteraksi di luar waktu kelas dan sekolah. Keadaan yang berbeza ditunjukkan apabila persekitaran tempat tinggal hanya didiami oleh majoriti etnik sendiri sahaja.

Segelintir peserta kajian menyatakan bahawa keselesaan mereka dengan rakan daripada etnik yang sama adalah disebabkan hubungan persahabatan yang sedia ada sudah terjalin lama. Selain itu, peserta kajian juga turut menyatakan bahawa interaksi sosial antara rakan daripada etnik lain sukar untuk berlaku kerana interaksi tersebut hanya berlaku di sekolah sahaja dan peluang untuk berjumpa dengan rakan dari etnik lain, di luar waktu sekolah adalah sangat sukar kerana faktor tempat tinggal yang jauh. Menurut Lau, Farhan dan Moana:

Lau: Ya, sebab saya tinggal di kampung sana. Jiran-jiran pun ada Melayu. Jadi saya ada faham sikit pasal mereka. Mereka pun selalu tegur saya.

Lau: Setuju. Dah terbiasa kat kampung lah cikgu.

Farhan: Haaa, ya cikgu. Boleh jumpa jugak kat kampung.

Moana: Sebab, senang lagi nak jumpa, dah kenal lama jugak. Macam dengan Ally dan Joana kami satu rumah panjang. Bila-bila boleh jumpa. Kalau kawan Melayu dan Cina susah sebab rumah jauh, jadi tak pernah lagi keluar atau jumpa di luar”.

Ini selari dengan perbincangan oleh Sumaya Batool dan Najwa (2010), yang menjelaskan rakan yang berkongsi bilik, kawasan tempat tinggal atau berada di bandar yang sama mempunyai tarikan interpersonal yang tinggi berbanding dengan rakan yang tinggal jauh daripada kawasan mereka.

4.2.5 Guru

Sikap guru yang positif akan mempengaruhi hubungan guru dengan pelajar yang berbilang etnik. Hasil analisis data kajian menunjukkan bahawa guru sentiasa memberi layanan yang sama rata, tidak pilih kasih atau bias, mesra dan mudah memahami pelajar tanpa mengira etnik mereka. Keadaan ini mewujudkan keselesaan kepada para pelajar untuk merujuk dan menceritakan masalah peribadi kepada guru tanpa mengira etnik. Selain itu, data kajian juga turut menunjukkan bahawa guru yang dilantik menjadi guru kelas menjalankan tugas yang sebaiknya dimana sesetengah peserta kajian menyatakan mereka akan merujuk guru kelas jika berlaku sebarang masalah. Selain itu, amalan pengajaran guru juga dilihat memberi pengaruh dalam kepelbagaian interaksi sosial pelajar pelbagai etnik di dalam kelas. Data kajian yang dianalisis menunjukkan bahawa guru ada memberi pendedahan berkaitan budaya bagi sesebuah etnik. Menurut Abang dan Moana:

Abang: Takde. Semua baik, siap buat kelas tambahan lagi bagi sesiapa yang nak.

Moana: Tentang adat dan budaya kaum India. Sebab sini takde pelajar India.

Perbincangan ini selari dengan kajian Suresh (2016), yang menyatakan sikap yang diamalkan oleh guru kelas terhadap para pelajarnya akan mempengaruhi hubungan guru dengan pelajar dan seterusnya memberi kesan kepada kesedaran intergrasi etnik

di persekitaran kelas. Selain itu, dapatan kajian Yong et al. (2018), yang menjelaskan peranan guru sebagai penyampai ilmu perpaduan, kebudayaan dan ilmu kenegaraan kepada pelajar dalam membentuk perpaduan yang utuh di sekolah.

4.2.6 Budaya

Perbezaan budaya yang diamalkan oleh setiap etnik menyebabkan terdapat batasan pergaulan antara satu sama lain. Melalui data kajian menunjukkan segelintir peserta kajian menyatakan kesukaran untuk bergaul dengan rakan-rakan dari kelompok etnik lain disebabkan perbezaan agama dan bahasa. Keadaan yang berbeza ditunjukkan apabila bersama dengan rakan yang mempunyai budaya yang sama atau hampir sama dengan sesebuah etnik. Persamaan yang dikongsi bersama dalam konteks agama, budaya dan bahasa memberi keselesaan dalam pergaulan sesama etnik berbanding merentasi etnik. Menurut Cristina, Moana dan Dayang:

Cristina: Susah cikgu, tambah-tambah lagi kalau lain agama. Ada batas sikit, susah.

Moana: Persamaan bahasa, kaum.

Dayang: Tidak, kalau tengok apa yang saya alami, saya takdelah susah sangat terutamanya dengan kaum Melayu. Macam yang saya bagitahu tadi, budaya kami hampir sama saja. Tak banyak beza.

Ini selaras dengan dapatan kajian Suresh (2016), yang menyatakan wujud jarak sosial yang tinggi antara pelajar berbilang etnik di dalam kelas. Persamaan yang dikongsi bersama dalam konteks agama, budaya dan bahasa memberi keselesaan dalam pergaulan sesama etnik berbanding merentasi etnik. Ini turut selari dalam perbincangan oleh Azrina et al. (2012), yang menjelaskan kecenderungan dalam memilih etnik dalam kehidupan berjiran menunjukkan keluarga dari etnik Cina lebih memilih etnik India sebagai jiran disebabkan oleh amalan dan praktik agama yang hampir sama antara mereka berbanding dengan etnik Melayu.

4.2.7 Ibu Bapa

Melalui analisis data kajian, galakan dan sokongan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak masing-masing memberi pengaruh terhadap kepelbagaian interaksi sosial anak mereka di sekolah. Seseengah peserta kajian menjelaskan terdapat bentuk sokongan secara lisan dan fizikal yang diberikan dalam menggalakan mereka supaya sentiasa bergaul dengan semua rakan tanpa mengira etnik. Selain itu, pendedahan berkaitan dengan adat dan budaya dari etnik lain juga ada diberikan kepada anak-anak di rumah sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Namun begitu, hasil analisis data kajian turut menunjukkan terdapat segelintir ibu bapa yang kurang mementingkan interaksi sosial pelajar yang merentas etnik.

Sesetengah peserta kajian menyatakan ibu bapa tidak mengambil kira interaksi antara rakan dari etnik lain memandangkan anak mereka sudah selesai dengan rakan yang sedia ada. Maka, dapat disimpulkan ibu bapa juga mempengaruhi dalam menentukan interaksi sosial pelajar di sekolah. Ibu bapa yang memberi sokongan, dorongan dan pendedahan mampu mewujudkan interaksi sosial pelajar yang merentasi etnik di sekolah. Berbeza dengan ibu bapa yang kurang mementingkan perihwal perpaduan pelajar yang berbilang etnik. Menurut Lau dan Hasrol:

Lau: Ada, macam tulah tadi, dia suruh pergi raya rumah kawan. Kalau waktu Chinese New Year mak suruh ajak kawan raya rumah.

Hasrol: Ada, macam suruh datang rumah. Tanya pasal Lau.

Namun begitu, hasil analisis data kajian turut menunjukkan terdapat segelintir ibu bapa yang kurang mementingkan interaksi sosial pelajar yang merentas etnik. Sesetengah peserta kajian menyatakan ibu bapa tidak mengambil kira interaksi antara rakan dari etnik lain memandangkan anak mereka sudah selesai dengan rakan yang sedia ada. Menurut Cristina:

Cristina: Macam tidak ada, sebab sini tidak ada orang Melayu.

Cristina: Takda, sebab dia tengok saya memang dah ada kawan kat sekolah.

Ini konsisten dengan dapatan kajian Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hassan (2019), yang turut menunjukkan sokongan yang kurang daripada ibu bapa dalam menggalakan anak-anak melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum menyebabkan pihak sekolah sukar untuk mengukuhkan perpaduan antara pelajar berbilang etnik.

4.2.8 Sikap Pelajar

Berdasarkan analisis data kajian secara amnya menunjukkan sikap yang ditunjukkan oleh pelajar mempengaruhi interaksi mereka di sekolah. Sikap yang positif amat diperlukan bagi memudahkan interaksi antara pelajar berbilang etnik. Sesetengah peserta kajian menjelaskan bahawa pergaulan antara rakan dari etnik berbeza dapat berlaku sekiranya wujud sikap hormat, baik hati dan tidak mengambil kira perbezaan yang wujud antara mereka. Menurut Lau, Moana dan Fatihah:

Lau: Aaa, ada. Macam ikut perangai jugak, mereka baik dengan saya. Ajak saya main petang-petang. Jadi sudah biasa.

Moana: Baik dengan saya. Walaupun tak rapat, tapi masih bersapa. Tak kacau saya jugak.

Fatihah: Ya. Sama-sama hormat.

Ini konsisten dengan dapatan kajian Mutsalim Khareng dan Jaffry Awang (2014), yang menunjukkan sikap terhadap toleransi beragama yang baik dalam kalangan pelajar yang berbeza agama. Keadaan ini memberi gambaran bahawa pelajar masih dapat bergaul, mempunyai nilai hormat-menghormati terhadap agama, pandangan dan adat budaya agama lain.

4.3 Cadangan galakan interaksi sosial antara pelajar berbeza kumpulan etnik

Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh peserta kajian yang meliputi peranan diri sendiri, rakan sebaya, guru, aktiviti sekolah, ibu bapa dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.

4.3.1 Diri Sendiri

Galakan interaksi sosial yang merentas etnik dapat dilaksanakan apabila diri pelajar itu sendiri perlu menunjukkan sikap dan perwatakan yang mudah disenangi oleh rakan dari etnik lain. Sesetengah peserta kajian menyatakan bahawa mereka perlu mempunyai sikap seperti peramah, mudah mesra dan saling memahami adat dan budaya etnik lain. Setiap pelajar perlu mempunyai inisiatif untuk memulakan pergaulan dengan rakan dari etnik lain yang agak pasif. Keadaan ini membolehkan mereka lebih mudah untuk bergaul dan selesa untuk berinteraksi. Menurut Fatihah dan Farhan:

Fatihah: Mula dengan diri sendiri lah, buat ramah-ramah sikit dengan dia.

Fatihah: Ya, perlu ada sikap mesra.

Farhan: Saya pujuk dia dulu, lepastu saya cuba cari apa yang dia minat, lepastu tanya nama dia berkali-kali.

Ini konsisten dengan kajian Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hassan (2019), yang menyatakan kesukaran pihak sekolah dalam membentuk perpaduan antara etnik adalah berpunca daripada kekurangan penglibatan daripada pelajar itu sendiri dalam aktiviti yang dijalankan. Ini turut disokong melalui dapatan kajian Marzudi Md Yunus et al. (2020), yang menjelaskan keperluan sikap saling mengenali dan ramah mesra dalam menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan tetangga.

4.3.2 Rakan Sebaya

Peranan rakan sebaya juga diperlukan bagi menggalakkan interaksi sosial yang merentas etnik. Hal ini kerana rakan sebaya mampu memberi pengaruh sikap dan tingkah laku rakan-rakannya. Hasil analisis data kajian menunjukkan, bentuk teguran dan nasihat yang diberi oleh rakan sebaya lebih mudah untuk diterima oleh sebilangan pelajar yang mempunyai sikap negatif terhadap etnik lain.

Menurut Cristina, Abang dan Fatihah:

Cristina: Tegur, beri nasihat, ubah mentaliti dia.

Abang: Kalau kawan lebih senang nak tegur dan lebih faham satu sama lain.

Fatihah: Hmm, ajak dia sekali lah. Macam kalau keluar dengan kawan dari kaum lain, ajak dia sekali. Kalau nak belajar, ajak dia sekali sama-sama.

Menurut Adlina et al. (2018), proses sosialisasi seseorang dipengaruhi kuat oleh rakan sebaya. Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hassan (2019), turut menjelaskan kekurangan penglibatan pelajar dalam aktiviti sekolah adalah berpunca daripada pengaruh rakan sebaya sehingga menyebabkan pihak sekolah mengalami kesukaran dalam membentuk perpaduan.

4.3.3 Guru

Peranan guru sebagai agen sosialisasi amat diperlukan bagi menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik. Sesetengah peserta kajian berpendapat bahawa guru merupakan pihak yang memainkan peranan dalam menggalakkan pergaulan pelajar. Guru perlu melaksanakan pelbagai usaha dalam memastikan wujud interaksi merentasi etnik di dalam kelas. Hasil analisis data kajian menunjukkan bahawa arahan, teguran dan nasihat daripada guru lebih berkesan dan mudah untuk dipatuhi pelajar. Menurut Cristina dan Chong:

Cristina: Mungkin cikgu boleh bagi nasihat kepada semua dalam kelas, ajak buat aktiviti melibatkan semua. Mungkin boleh jadi rapat lagi lepastu.

Chong: Ya, sebab cikgu setiap masa masuk kelas. Sangat rapat dengan pelajar, faham situasi jugak dalam kelas tu macam mana.

Suresh (2016), menjelaskan pembentukan hubungan etnik dalam kelas dapat dirangsang, diperkukuh dan diperkasa melalui tindakan guru sebagai model peranan. Ini turut disokong melalui dapatan kajian Yong et al. (2018), yang menunjukkan peranan guru sebagai penyampai ilmu kenegaraan, penyampai ilmu kebudayaan, penyampai ilmu perpaduan dan suri teladan kepada pelajar dalam membentuk perpaduan etnik di sekolah.

4.3.4 Aktiviti Sekolah

Pelaksanaan aktiviti sekolah antara salah satu usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam menggalakan interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik. Berdasarkan analisis data kajian menunjukkan bahawa melalui aktiviti sekolah yang melibatkan semua pelajar, berkumpul dan menjalankan aktiviti bersama-sama tanpa mengira etnik, mampu mewujudkan interaksi sosial merentas etnik.

Sesetengah peserta kajian juga menyatakan bahawa program seperti sambutan hari Kebangsaan dan perayaan mampu memupuk kerjasama pelajar di dalam kelas. Menurut Cristina dan Dayang:

Cristina: Setuju, macam hari sukan KEJORA tu dulu cikgu. Kan campur-campur setiap rumah, jadi saling tolong-menolong, sokong jugak sama-sama walaupun kami tak rapat.

Dayang: Dari aktiviti gotong royong pun boleh, sukaneka. Kalau dalam akademik pun boleh mungkin dari mentor dan mentee. Sebab ada kelas, buat tu.

Menurut Adlina et al. (2018), pelaksanaan aktiviti secara bersama dalam aktiviti persatuan mahupun sukan dapat mengatasi masalah interaksi sosial yang agak lemah antara pelajar berbilang etnik. Hasnul Husna dan Mohd Syariefudin (2018), turut menjelaskan penerimaan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam program RIMUP berupaya memupuk kesepaduan sosial pelbagai etnik.

4.3.5 Ibu Bapa

Sokongan dan galakan ibu bapa kepada anak-anaknya juga antara cadangan yang mampu menggalakan interaksi sosial antara pelajar berbilang etnik. Sesetengah peserta kajian menyatakan ibu bapa perlu sentiasa memberi galakan dalam bentuk nasihat dan mempunyai sikap ambil berat dengan rakan-rakan mampu mempengaruhi keselesaan mereka untuk bergaul dengan rakan-rakan dari etnik lain. Menurut Cristina dan Hasrol:

Cristina: Hmm, macam selalu pesan kah, kawan dengan semua, suruh keluar dengan mereka kah. Macam tu cikgu. Tanya pasal mereka kat rumah kah.

Hasrol: Macam mereka lagi berani lah nak kawan dengan saya.

Menurut Suresh (2021), pola pembentukan persahabatan merentasi etnik dapat diwujudkan sekiranya ibu bapa memberi pendedahan melalui rangsangan dan kesedaran tentang kepentingan hubungan merentasi etnik. Ayu Nor Azilah et al. (2017), turut menjelaskan penerapan nilai perpaduan oleh ibu bapa dalam diri anak membolehkan mereka melihat perbezaan yang terdapat pada setiap etnik sebagai sesuatu yang istimewa dan bersifat unggul.

4.3.6 Penggunaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi

Analisis data kajian turut menunjukkan terdapat cadangan berkaitan penggunaan bahasa Melayu Standard dalam berkomunikasi. Sesetengah peserta kajian berpendapat bahawa kesukaran mereka untuk bergaul adalah disebabkan oleh bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi adalah berbeza. Oleh itu, melalui penggunaan bahasa Melayu Standard yang sememangnya difahami dan digunakan oleh semua etnik mampu mengurangkan keterbatasan mereka untuk bergaul dan berinteraksi dengan etnik lain. Menurut Abang dan Cristina:

Abang: Kalau nak mudah, semua guna bahasa Melayu Standard. Sebab semua boleh faham antara satu sama lain. Selalunya yang tak fasih tu bukan bahasa Melayu Standard tapi bahasa Melayu Sarawak.

Cristina: Hmm, mungkin guna bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Sebab sini semua orang nak guna bahasa sendiri.

Ini selari dengan kajian Mohd Faizal at al. (2017), yang menunjukkan tahap penggunaan bahasa Melayu akan mempengaruhi tahap interaksi sosial antara pelajar. Ini turut disokong melalui dapatan kajian Mohd Faizal at al. (2017), turut menunjukkan tahap penggunaan bahasa Melayu akan mempengaruhi tahap interaksi sosial antara pelajar.

Sebagaimana yang dibincangkan dalam artikel ini, interaksi sosial yang merentasi etnik adalah kata kunci utama dalam memupuk dan mengukuhkan perpaduan yang bermula semenjak di peringkat persekolahan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik di sebuah sekolah menengah sekaligus memerihalkan faktor yang mempengaruhi kepelbagaian interaksi tersebut dan mencadangkan galakan interaksi sosial antara pelajar berbeza kumpulan etnik. Kajian ini mendapati terdapat dua kecenderungan berinteraksi iaitu kecenderungan untuk berinteraksi dalam kalangan etnik yang sama dan berbeza. Kedua-dua kecenderungan yang terbentuk adalah disebabkan oleh faktor keselesaan dalam berinteraksi. Keselesaan tersebut berlaku sama ada dalam kelompok etnik yang sama atau berbeza. Sesetengah peserta kajian terutamanya dari golongan pelajar perempuan menyatakan keselesaan mereka dalam bergaul dengan rakan dari kelompok etnik yang sama.

Di samping itu, terdapat juga peserta kajian terutamanya dari golongan pelajar lelaki yang menyatakan keselesaan mereka dalam bergaul dengan rakan dari etnik berbeza disebabkan oleh persamaan sikap, tingkah laku dan minat yang seterusnya membawa kepada pembentukan kecenderungan berinteraksi yang merentasi etnik. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan terdapat empat bentuk interaksi sosial yang wujud iaitu kerjasama, timbal balik, persaingan dan konflik. Kesemua bentuk interaksi ini merupakan interaksi yang positif yang kebanyakannya berlaku di dalam kelas. Kerjasama berlaku menerusi perbincangan dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru dan pertandingan yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

Bagi, timbal balik pula melibatkan interaksi pelajar berbeza kumpulan etnik dalam hal-hal pembelajaran dan hal-hal peribadi. Manakala persaingan yang berlaku adalah melibatkan bentuk persaingan yang sihat antara pelajar terutamanya dalam peperiksaan dan kerja berkumpulan. Bagi bentuk konflik pula berlaku melalui banyak sebab iaitu melalui ejekan, sikap stereotaip terhadap rakan dari etnik lain serta hubungan yang terlalu rapat sesama rakan. Walaupun, terdapat peserta kajian yang menyatakan wujud konflik yang berlaku disebabkan ejekan dan sikap negatif pelajar namun begitu keadaan tersebut hanya berlaku pada sebilangan kecil pelajar sahaja. Melalui dapatan kajian, didapati konflik yang berlaku cenderung berlaku disebabkan hubungan persahabatan yang rapat antara pelajar berbeza kumpulan etnik. Melalui bentuk interaksi tersebut memberi gambaran berkaitan hubungan pelajar berbeza kumpulan etnik masih berada dalam keadaan yang baik. Bagi pemilihan etnik lain untuk berinteraksi pula memperlihatkan etnik minoriti cenderung memilih etnik majoriti. Etnik Iban, Cina dan Melanau lebih cenderung memilih etnik Melayu apabila melibatkan pergaulan dan interaksi antara rakan dari etnik lain.

Kesemua hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor yang seterusnya menentukan interaksi sosial yang dibentuk oleh pelajar berbeza kumpulan etnik di sekolah. Faktor sekolah rendah menunjukkan peserta kajian yang bersekolah di sekolah rendah jenis kebangsaan iaitu SJKC mengalami kesukaran dalam berinteraksi dengan rakan-rakan dari etnik lain seterusnya membawa kepada kecenderungan dalam berinteraksi sosial dari kelompok yang sama. Perkara yang sama turut berlaku dalam membincangkan kawasan persekitaran tempat tinggal. Peserta kajian yang mendiami kawasan perumahan yang dikelilingi oleh masyarakat multietnik lebih mudah untuk bergaul dan mesra terhadap etnik lain semasa di sekolah. Keadaan yang sebaliknya berlaku terhadap peserta kajian yang dikelilingi persekitaran tempat tinggal yang monoetnik. Seterusnya, pentadbiran dan pengurusan sekolah turut mempengaruhi interaksi sosial pelajar. Seseengah peserta kajian menyatakan pihak sekolah lebih mengutamakan perihal akademik berbanding hubungan pelajar yang berbilang etnik di sekolah. Persekitaran sekolah juga lebih dilengkapi dengan pelbagai perihal yang berfokuskan pembelajaran dan hanya sedikit sahaja bahan-bahan yang menerapkan elemen perpaduan diselitkan.

Namun begitu, didapati bahawa masih terdapat usaha dan kejayaan pihak sekolah dalam menerapkan elemen perpaduan kepada semua pelajar melalui aktiviti atau program tertentu. Seterusnya, dominasi penggunaan bahasa ibunda di sekolah menjadi penghalang utama kepada pembentukan interaksi sosial yang merentasi etnik. Peserta kajian menyatakan kesukaran dalam menggunakan bahasa Melayu Sarawak dan bahasa Melayu menyebabkan mereka lebih gemar untuk berinteraksi dan bergaul dengan rakan dari kelompok etnik yang sama. Dari segi peranan dan sikap guru pula, menunjukkan guru yang positif dan amalan pengajaran guru yang menerapkan elemen perpaduan dapat mewujudkan hubungan guru dan pelajar yang merentasi etnik serta mampu membentuk perpaduan yang utuh di sekolah.

Kepelbagaian budaya pula memerihalkan berkaitan perbezaan dan persamaan budaya dalam menentukan interaksi sosial yang wujud. Peserta kajian menjelaskan persamaan budaya mewujudkan persefahaman dan memudahkan dalam menyesuaikan diri dalam berinteraksi. Keadaan yang sebaliknya berlaku apabila dengan rakan dari etnik yang berbeza. Bagi pengaruh ibu bapa dalam interaksi sosial pelajar pula melibatkan galakan dan sokongan serta pendedahan yang diberikan kepada anak-anak. Peserta kajian menyatakan ketiga-tiga aspek tersebut memberi pengaruh dalam membentuk interaksi sosial yang merentasi etnik. Hal ini kerana galakan dan sokongan yang diberikan menjadi penyunting semangat kepada para pelajar untuk memulakan interaksi dengan rakan dari etnik lain. Akhir sekali, pengaruh interaksi sosial yang dibincangkan turut melibatkan sikap pelajar. Sikap positif atau negatif yang dipamerkan pelajar kepada rakan-rakan dari etnik lain menentukan interaksi sosial pelajar berbeza kumpulan etnik. Peserta kajian menjelaskan pergaulan dari etnik berbeza dapat berlaku dengan adanya sikap saling hormat menghormati, baik hati dan menerima perbezaan yang wujud antara etnik. Dalam kajian ini, walaupun interaksi sosial pelajar berbeza kumpulan etnik dalam keadaan yang agak baik, namun ia masih perlu dipupuk dan dikukuhkan lagi dalam memastikan tahap perpaduan masyarakat di Malaysia dalam keadaan yang benar-benar baik. Peranan diri sendiri, ibu bapa, guru, pihak sekolah dan penggunaan bahasa Melayu dalam berkomunikasi adalah antara cadangan yang perlu diketengahkan dalam membina interaksi sosial yang positif dan merentas etnik. Setiap cadangan yang dikemukakan memperlihatkan keperluan semua pihak yang bermula dari diri sendiri dalam membentuk interaksi sosial yang merentasi etnik seterusnya memupuk dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, perpaduan masyarakat pluralistik merupakan elemen yang penting dalam membentuk sebuah negara yang aman dan harmoni. Sekolah merupakan antara platform utama yang digunakan oleh pihak kerajaan dalam memupuk perpaduan etnik yang bermula di awal usia persekolahan. Keadaan ini mengambil kira sekolah yang menjadi tempat pertemuan pertama antara pelajar berbilang etnik serta menduduki hierarki kedua sebagai agen sosialisasi selepas ibu bapa. Maka, adalah perlu untuk kita mengetahui keadaan sebenar interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar berbilang etnik di peringkat sekolah. Hal ini kerana, interaksi sosial menjadi indikator dalam meneliti tahap perpaduan negara. Interaksi sosial yang baik dan merentasi etnik di sekolah adalah sangat penting dalam memastikan tahap perpaduan di Malaysia dapat dikekalkan dan diperkukuhkan pada masa hadapan.

Justeru, penerokaan terhadap isu tersebut perlu dilaksanakan melibatkan pengenalanpastian terhadap interaksi sosial pelajar, faktor yang mempengaruhi dan langkah mengatasinya. Maka, menjadi satu keperluan kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian yang merangkumi penelitian terhadap kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik, faktor yang mempengaruhinya dan cadangan dalam menggalakan interaksi sosial antara pelajar.

Oleh itu, dapatan kajian ini telah menunjukkan kepelbagaian interaksi sosial pelajar berbilang etnik di sekolah yang merangkumi pembentukan dua kecenderungan interaksi iaitu kecenderungan dalam berinteraksi sosial dalam kelompok etnik yang sama dan kecenderungan dalam berinteraksi sosial yang merentasi etnik. Selain itu, kepelbagaian interaksi sosial juga memperlihatkan terdapat empat bentuk interaksi sosial yang berlaku di sekolah. Keempat-empat bentuk interaksi ini menggambarkan hubungan yang positif dalam kalangan pelajar berbilang etnik. Namun demikian, tidak dapat dinafikan masih ada sebilangan pelajar yang kurang berinteraksi dengan rakan dari etnik lain dan cenderung untuk membentuk kelompok sendiri di dalam kelas. Keadaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang merangkumi sekolah rendah, pentadbiran dan pengurusan sekolah, penggunaan bahasa, kepelbagaian budaya, persekitaran kawasan tempat tinggal, ibu bapa, guru dan sikap pelajar itu sendiri. Faktor-faktor tersebut menjadi penentu kepada pembentukan interaksi sosial pelajar iaitu sama ada positif atau negatif dan merentasi etnik atau dalam kelompok etnik yang sama. Di samping itu, kajian ini juga turut memerihalkan berkaitan cadangan-cadangan dalam menggalakan interaksi sosial antara pelajar berbilang etnik dari perspektif pelajar itu sendiri. Oleh itu, dalam memastikan tahap perpaduan etnik di sekolah adalah dalam keadaan yang baik dan memuaskan, maka segala faktor yang memberi kesan negatif terhadap interaksi sosial pelajar perlu diatasi dengan mengambil kira cadangan-cadangan yang diutarakan. Selain itu, beberapa kajian lanjutan seperti menambah jumlah sekolah yang melibatkan sekolah rendah, sekolah swasta dan sekolah berasrama penuh perlu dilakukan bagi b) meneliti secara mendalam kepelbagaian interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbeza kumpulan etnik. Hal ini supaya, setiap pelajar yang dihasilkan mampu menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

6. Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Sumbangan Penulis:

Nurol-Adila Salah@Saleh: Pengumpulan data, penulisan draf, penyeliaan, semakan dan penyuntingan.

Konflik Kepentingan:

Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Penyataan Ketersediaan Data:

Penulis mengesahkan bahawa data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam artikel ini.

7.RUJUKAN

- Abdul Talip, H., Abu Bakar, N. I., Mamat, N., & Razali, A. R. (2016). Social interactions among multi-ethnic students. *Asian Social Science*, 12(7), 4–58. <https://doi.org/10.5539/ass.v12n7p47>
- Adlina, A. K., Abd Rahman, R., & Mak Din, H. A. (2018). Kajian kes interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik ke arah pengukuhan integrasi nasional. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*. http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_1123.pdf
- Aminuddin, M. Y., Zainal, A., Ismail, K., Halim, F. W., Hoesni, S. M., & Mohamad, M. (2005). Prasangka antara kaum di kalangan wanita: Perbezaannya dengan lelaki. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 19, 13–24.
- Ayu, N. A., Rohani., & Nor Azlina, E. (2017). Pemupukan nilai-nilai murni antara etnik di Malaysia melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/kenegaraan/04-AYU-NOR-AZILAH.pdf>
- Azrina, H., Malek, N. M., & Abdul Gapor, S. (2012). Cultural and religious tolerance and acceptance in urban housing: A study multi-ethnic Malaysia. *Asian Social Science*, 8(2), 112–118. <https://doi.org/10.5539/ass.v8n2p112>
- Battle, S. (2017). White teachers' reactions to the racial treatment of middle-school Black boys. *IAFOR Journal of Education*, 5(2), 197–217. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1156337.pdf>
- Casteel, C. A. (1998). Teacher-student interactions and race in integrated classrooms. *The Journal of Education Research*, 92(2), 115–120. <https://doi.org/10.1080/00220679809597583>
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. R., Shah, P. M., Wah, W. H., & Hassan, A. T. (2012). Penggunaan strategi belajar bersama rakan dalam kalangan pelajar kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27, 37–50. <https://core.ac.uk/download/pdf/83543481.pdf>
- Hallinan, M. T. (1982). Classroom racial composition and children's friendships. *Social Forces*, 61(1), 56–72. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED238996.pdf>

- Hamidah, A. R., Ahmad, N., Nordin, N. A., Mahmud, N., Shaari, R., & Abdul Wahab, S. R. (2011). Kajian tinjauan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tahun satu di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54, 65–76. <https://doi.org/10.11113/jt.v54.99>
- Hamzah, H. (2016). Kajian hubungan etnik dalam kalangan remaja Muslim. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(1), 1–13. <http://journale-academiauitmt.uitmt.edu.my/>
- Hussein, H. H., & Abdullah, M. S. (2018). Keberkesanan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) dalam memupuk kesepaduan sosial. *MANU*, 28, 33–49. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/1581/999>
- Makantal, J., Md. Nor, M., & Abd. Rahman, M. N. (2020). Corak interaksi sosial kanak-kanak dengan rakan sebaya semasa main bebas di prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(4), 21–34. <https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/26840/12298>
- Makantal, J., Md. Nor, M., & Abd. Rahman, M. N. (2021). Pengaruh gender dalam mencorakkan interaksi sosial kanak-kanak semasa main bebas di prasekolah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(1), 124–138. <http://journalarticle.ukm.my/16566/1/45800-147615-1-SM.pdf>
- Md Yunus, M., Yuhani, N., & Samsudin, N. H. (2020). Impak prejudis dan jarak sosial terhadap komunikasi antara etnik di Pangsapuri Seksyen 2 Wangsa Maju, Kuala Lumpur. *Jurnal Komunikasi*, 36(4), 34–53. <http://journalarticle.ukm.my/16105/1/37317-143568-1-PB.pdf>
- Mior Khairul, A. M. J. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33–48. <https://www.journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/436/434>
- Mohd Faizal, M. P., Mohamad Zaid, D., Mohd Tony, S., Syamsidar, A., & Mohd Isa, H. (2017). Tahap penggunaan Bahasa Melayu dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar SMJK(C) Negeri Melaka. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 1–16. <https://doi.org/10.32890/jps.20.2017.11549>
- Mohd Nor, M., Abdullah, A., & Ismail, M. M. (2016). Mengurus dan memahami hubungan etnik di universiti awam Malaysia. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), 59–65. https://www.academia.edu/36576843/Mengurus_dan_Memahami_Hubungan_Etnik_diuniversiti_Awam_Malaysia
- Mohd Rizal, M. S., & Thay, C. Y. (2012). Tahap hubungan etnik: Kajian di kalangan pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), sesi pengajian 2007–2008, semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 59–72. <https://doi.org/10.11113/jt.v39.476>

- Mona Alkhaithar, A. (2015). Komunikasi dan persepsi hubungan etnik di Universiti Putra Malaysia. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 12, 21–38. <https://doi.org/10.56390/apjys2024.12.2>
- Muhamad Amar, M. (2019). Persepsi pelajar 1 Malaysia terhadap kursus Hubungan Etnik: Satu kajian di UUM. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 92–107. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/21225/10824>
- Mutsalim, K., & Jaffary, A. (2014). Toleransi beragama dan implikasinya dalam kalangan mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 1–14. http://journalarticle.ukm.my/7827/1/55_15.pdf
- Najeemah, M. Y. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian secondary schools. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 149–164. [http://web.usm.my/apjee/APJEE_21_2006/10%20najeemah\(149-165\).pdf](http://web.usm.my/apjee/APJEE_21_2006/10%20najeemah(149-165).pdf)
- Najeemah, M. Y. (2011). Language and ethnic boundary among students of various ethnicities in secondary schools in Malaysia. *Sosiohumanika*, 4(2), 211–228.
- Noradilah. M. N., Munira, A. R., Tuan Sidek, T. M., & Ahmad Irfan, I. H. (2017). Perpaduan pelajar berbilang kaum dalam subjek teras di Universiti Malaysia Pahang. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 18(1), 43–50. <http://journalarticle.ukm.my/13686/1/28327-86468-7-PB.pdf>
- Noraizan, B. (1998). *Faktor pemilihan dan pola persahabatan kanak-kanak prasekolah* (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/8989/1/FPP_1998_5_A.pdf
- Nur Ayuni, N. H., & Amir Hasan, D. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 18–28. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol12.3.2019>
- Nurhijrah, Z., Zuria, M., & Mohd Mahzan, A. (2019). 110-Penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah: Realiti dan cabaran di sekolah pelbagai etnik. Dalam *Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBaSBuM 2 2019)* (hlm. 1152). <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.10>
- Nurliyana Kamilah, K. A., Rosilawati, S. M., Abdul Rauf, R., Dzaa Imma, A. L., & Fazlul Haque, K. (2016). Ethnicity stereotypes in virtual world: A study between Malaysian new media users. *Journal of Education and Social Sciences*, 3, 106–110. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.9483>
- Sharifah Darmia, S. A., Irma Wani, O., Jais, A. H., Mohd Sohaimi, E., Romzi, A., & Siti Aidah, L. (2021). Pengaruh pendidikan dalam kepelbagaian etnik sebelum dan selepas merdeka di Malaysia. *International Journal of Law Government and Communication*, 6(23), 68–84. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.623005>
- Sumaya, B., & Najwa, I. M. (2010). Role of attitude similarity and proximity in interpersonal attraction among friends (C 310). *International Journal of Innovation Technology*, 1(2), 142–146. <http://www.ijimt.org/papers/26-C310.pdf>

- Suresh Kumar N. Vellymalay. (2014). Etnisiti dan interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. *Journal of Human Capital Development*, 7(2), 47–61. <https://journal.utm.edu.my/index.php/jhcd/article/viewFile/2125/1278>
- Suresh Kumar N. Vellymalay. (2016). Keberkesanan hubungan guru kelas-murid dalam merangsang kesedaran terhadap integrasi etnik dalam kalangan murid di bilik darjah. *Jurnal Ilmi*, 6, 69–88. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/39/34>
- Suresh Kumar N. Vellymalay. (2021). *Pemupukan hubungan etnik: Peranan ibu bapa dalam mendidik anak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. <https://doi.org/10.21315/apjee2016.31.8>
- Yasmin, A., & Najeemah, M. Y. (2012). Social distance and ethnic boundary among pupils in multiethnic and monoethnic school environment in Malaysia. *Science Journal of Sociology & Anthropology*, 2012(2), 1–17. <https://www.sjpub.org/sjsa/yasmin-et-al.pdf>
- Yew, W. C., Saiful Farisin Md Ramlan, Mohd Rusydi Ahmad, Norhayati Ab Manaf, Novel Lyndon, & Lim, J. W. (2021). Persepsi ibu bapa Orang Asli terhadap pengalaman pendidikan anak-anak Orang Asli di sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12), 24–39. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1199/855>
- Yong, H. H., & Ku Hasnita, K. S. (2019). Sikap negatif guru sebagai penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika*, 89(1), 149–159. <http://journalarticle.ukm.my/14983/1/27648-100771-1-PB.pdf>
- Yong, H. H., Ku Hasnita, K. S., & Zatul Himmah, A. (2021). Faktor penghalang kepada peranan guru sebagai agen sosialisasi politik di sekolah dalam membentuk perpaduan di daerah Petaling. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48(2), 82–107. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.832026>